

Bekalan makanan di semua pusat jualan di luar bandar akan dipastikan cukup - Awang Tengah

2020-03-30T14:43:08+08:00

oleh Patricia Gari



Awang Tengah pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Rantaian Makanan hari ini.

KUCHING: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak diminta memastikan bekalan makanan di semua 800 pusat jualan atau kedai runcit di seluruh negeri mencukupi sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata KPDNHEP juga perlu memastikan harga makanan dijual dikawal mengikut harga borong.

Beliau berkata majoriti daripada 800 pusat jualan berkenaan terletak di luar bandar Sarawak juga dibenarkan beroperasi setiap hari dari pukul 7 pagi hingga 4 petang.

"Kita akan bekerjasama dengan KPDNHEP Sarawak untuk memastikan setiap 'point of sales' ini ada bekalan barang makanan mencukupi bermakna penduduk luar bandar ada tempat untuk membeli makanan. Ini sudahpun dilaksana dan akan terus dilaksanakan."

"Sekarang kita mahu memperkuatkannya cara pengagihan bantuan ini kepada kumpulan sasaran khususnya penduduk yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sarawak," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Rantaian Bekalan Makanan di sini hari ini.

Awang Tengah yang juga pengurus jawatankuasa berkenna berkata semua syarikat pengangkutan yang dikenal pasti oleh KPDNHEP yang membawa bekalan makanan akan dibenarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuat penghantaran ke seluruh Sarawak tanpa sekatan.

Kerajaan juga katanya akan menggunakan sumber pengangkutan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk menghantar makanan ke kawasan luar bandar dan pedalaman yang jauh serta rumit seperti di Belaga, Baram, Bario, Batang Ai, Kapit, Ba' Kelalan dan Long Semadoh.

Beliau turut memberi jaminan bekalan makanan khususnya untuk penduduk luar bandar dan pedalaman mencukupi sepanjang PKP dilaksanakan sehingga 14 April ini.

"Jawatankuasa Bencana Bahagian dan Daerah akan mengenal pasti Pusat Pengagihan di setiap bahagian dan daerah dengan kerja sama dengan agensi-agensi kerajaan, Pusat Khidmat ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) relevan."

"Ini penting bagi memastikan pengagihan makanan diselaras dengan teratur dan patuh kepada Perintah Kawalan Pergerakan pada masa sama memastikan tiada kumpulan sasaran tercincir daripada mendapat bantuan ini," katanya.

Menjelas lanjut Awang Tengah berkata pengagihan di peringkat kampung akan ditentukan oleh ketua-ketua kaum atau ketua-ketua masyarakat di kawasan masing-masing.

Beliau menambah, bagi kawasan bandar, pengagihan bantuan barang keperluan dan makanan akan dibuat menerusi Pusat Khidmat ADUN, NGO serta agensi kerajaan relevan.

"Kita akan memastikan penerima bantuan ini termasuk mereka yang tidak tersenarai dalam senarai JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) seperti yang hilang pekerjaan kerana terpaksa duduk di rumah sepanjang tempoh PKP ini."

"Tujuannya ialah memastikan barang bantuan yang kita agihkan menerusi peruntukan diumumkan Ketua Menteri (Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg) berjumlah RM16.4 juta dapat diagihkan kepada semua rakyat memerlukan atau kumpulan sasaran," jelasnya.

Menurutnya lagi pengagihan barang makanan dan keperluan asas bermula sejak beberapa hari lalu di beberapa kawasan seperti di Kuching, Simunjan, Limbang, Lawas dan Bukit Sari.

"Kita akan memastikan pengagihan bantuan ini dapat dilaksanakan sepenuhnya dalam masa terdekat ini. Sekarang kita sedang mengumpul maklumat dari segi jumlah penerima, lokasi pusat pengagihan utama di kawasan tertentu dan jumlah bekalan diperlukan untuk kawasan tertentu."

"Saya percaya ini dapat kita lakukan dalam masa dua, tiga hari lagi," katanya.

Hadir sama Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Dato Sri Fatimah Abdullah; Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Dato Sri Dr Sim Kui Hian; Menteri Muda Hal Ehwal Korporat dan Unit Komunikasi Awam Sarawak Abdullah Saidol dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Amar Jaul Samion.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/03/30/bekalan-makanan-di-semua-pusat-jualan-di-luar-bandar-akan-dipastikan-cukup-awang-tengah>